

Cikgu Lan calon terbaik pertahan Jerantut

Oleh HARIS FADILAH AHMAD, 20 Oktober 2022, 6:34 am



AHMAD NAZLAN IDRIS

JERANTUT: Penyandang kerusi Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris masih calon terbaik dan boleh menang Barisan Nasional (BN) bagi mempertahankan kerusi tersebut pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Ketua UMNO Bahagian Jerantut, Datuk Nazri Ngah (gambar) berkata, Ahmad Nazlan pernah beberapa kali menyatakan tidak mahu bertanding kepada Penggerusi BN Pahang dan peringkat tertinggi UMNO Pusat dan ia turut diuar-uarkan dalam kalangan pemerhati politik di sini.

“Kita menolak hasrat (tidak mahu bertanding) yang disuarakan Ahmad Nazlan dan penuhilah harapan UMNO Bahagian Jerantut yang memerlukan perkhidmatannya untuk berdepan saangan sentig PRU15 kali ini.

“Ahmad Nazlan merupakan calon yang sesuai kerana rata-rata pengundi dari semua cawangan UMNO cukup mengenalinya dan kami yakin beliau mampu memastikan kemenangan Parlimen Jerantut pada PRU15,” katanya kepada pemberita di kediamannya di Kampung Mat Kilau di sini semalam.

Ahmad Nazlan yang sinonim dengan panggilan Cikgu Lan sudah dua penggal sebagai Ahli Parlimen Jerantut setelah menang pada PRU13 mengalahkan calon Pas, Dr. Hamzah Jaafar dengan majoriti 4,532 undi.

Pada PRU14, Cikgu Lan memperoleh 22,640 undi setelah mengalahkan calon Pas, Yohanis Ahmad (16,732 undi) dan calon PKR, Wan Mohd. Shaharir Wan Abdul Jalil (10,877 undi) dengan majoriti 5,908 undi.

Nazri berkata, berasaskan keputusan dalam dua PRU lalu, Ahmad Nazlan masih calon boleh menang pada PRU15 kerana auranya dan seorang berpengaruh yang mampu mengulangi kemenangan dengan peningkatan majoriti tinggi. – UTUSAN